

14/10/1997

Kesatuan susun rancangan kuasai IT

KESATUAN serta persatuan guru sudah menyusun pelbagai rancangan untuk membantu menerapkan kemahiran teknologi maklumat (IT) di kalangan ahli masing-masing sebagai sokongan terhadap saranan kerajaan supaya rakyat menguasai teknologi itu.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Abu Bakar Shawkat Ali, berkata sebagai permulaan, kesatuan itu akan mengadakan kursus komputer serta IT kepada kakitangan kesatuan itu pada 21 hingga 25 Oktober ini.

Katanya, kursus itu perlu memandangkan sebahagian besar daripada sistem pentadbiran di pejabat KPPK kini dilengkapi dengan kemudahan IT.

"KPPK juga mengkaji keperluan mengadakan kursus jangka pendek dalam bidang kemahiran IT untuk ahli berdasarkan mata pelajaran pengajaran masing-masing, tidak lama lagi.

"Dalam hal ini, besar kemungkinan KPPK akan berunding dengan jabatan pendidikan negeri untuk bekerjasama melaksanakan kursus berkenaan," katanya semalam.

Sabtu lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan Kempen Kesedaran Mengenai IT di Auditorium Besar Angkasapuri, Kuala Lumpur, dan mengajak seluruh rakyat Malaysia, menyahut panggilan menyokong inisiatif kerajaan menggunakan IT.

Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (PKPSMM), Rahmat Jantan, berkata semua cawangan persatuan itu sudah mengadakan program seperti seminar dan kursus mengenai IT kepada ahli.

Beliau berkata, mereka mendapatkan khidmat daripada pegawai Kementerian Pendidikan, perunding dalam bidang IT serta pensyarah universiti untuk mengendalikan seminar berkaitan.

(END)